

Bil. S 12

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah di bawah bab 83(3))

**PERINTAH SYARIKAT PENGGANTI TELEKOMUNIKASI, 2001**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Perletakan hak perusahaan telekomunikasi pada syarikat pengganti telekomunikasi.
4. Pemegangan permulaan Kerajaan dalam syarikat pengganti telekomunikasi.
5. Pemandahan pekerja perusahaan telekomunikasi kepada syarikat pengganti telekomunikasi.
6. Syarat-syarat perkhidmatan.
7. Pencen.
8. Perlaksanaan obligasi.
9. Pengenaan undang-undang.
10. Struktur kewangan syarikat pengganti telekomunikasi.
11. Peraturan-peraturan.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH SYARIKAT PENGGANTI TELEKOMUNIKASI, 2001

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraihan (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Syarikat Pengganti Telekomunikasi, 2001 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan harta, hak dan liabiliti Jabatan Telekom kepada syarikat pengganti telekomunikasi; bagi pemindahan kakitangan Jabatan Telekom kepada syarikat pengganti telekomunikasi dan bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya".

**Tafsiran.**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"hak" bermakna semua hak, kuasa, keistimewaan dan kekebalan, sama ada sebenar, kontingen atau prospektif, sama ada berkanun ataupun sebaliknya, dan di mana saja berbangkit;

"harta" bermakna sebarang aset atau kepentingan di sisi undang-undang atau ekuiti (sama ada pada masa ini atau masa depan atau sama ada terletak hak atau kontingen) ke atas sebarang harta sama ada harta alih atau harta tak alih;

"harta telekomunikasi yang ditetapkan" bermakna sebarang perihalan harta, sama ada harta alih atau harta tak alih, yang boleh ditetapkan oleh Menteri sebagai perlu untuk disimpan oleh Pihak Berkuasa (atau penama Pihak Berkuasa) bagi menjalankan kewajipan-kewajipan dan tugas-tugasnya berkenaan dengan telekomunikasi di bawah Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam, 2001 dan di bawah Perintah Telekomunikasi, 2001;

"liabiliti" bermakna semua liabiliti, kewajipan dan obligasi, sama ada sebenar, kontingen atau prospektif, dan di mana saja berbangkit;

"Menteri" bermakna Menteri Kewangan;

"pekerja telekomunikasi yang dikecualikan" bermakna mana-mana pegawai atau pekerja yang boleh ditentukan oleh Pihak Berkuasa sebagai perlu atau mustahak untuk dikekalkan oleh Pihak Berkuasa (atau penama Pihak Berkuasa) bagi menjalankan sebarang kewajipan dan tugas berkenaan dengan telekomunikasi di bawah Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam, 2001 dan di bawah Perintah Telekomunikasi, 2001;

"pekerja yang dipindahkan" bermakna seseorang yang, di bawah bab 5, dianggap telah diambil sebagai seorang pekerja oleh syarikat pengganti telekomunikasi.

"perusahaan telekomunikasi" bermakna semua harta, sama ada harta alih atau harta tak alih, yang terletak pada Kerajaan yang diperlukan bagi pembekalan, penyenggaraan, pengurusan dan pengendalian perkhidmatan telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam, dan semua aset, kuasa, hak, kepentingan, keistimewaan, hutang, liabiliti dan obligasi yang berhubung dengannya;

"Pihak Berkuasa" bermakna Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (juga dikenali dengan akronim AiTi) yang ditubuhkan di bawah bab 3 dari Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam, 2001;

"syarikat pengganti telekomunikasi" bermakna syarikat yang dinamakan oleh Menteri menurut perenggan (a) ceraihan (1) bab 3;

"tarikh penggantian" bermakna tarikh yang ditetapkan oleh Menteri dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* bagi maksud-maksud bab 3;

**Perletakan hak perusahaan telekomunikasi pada syarikat pengganti telekomunikasi.**

**3. (1) Pada tarikh penggantian —**

(a) semua harta, hak dan liabiliti yang terkandung dalam perusahaan telekomunikasi (selain dari harta telekomunikasi yang ditetapkan) yang kepadanya Kerajaan berhak atau tertakluk sejurus sebelum tarikh itu, hendaklah menjadi, menurut bab ini dan tanpa jaminan lanjut, harta, hak dan liabiliti suatu syarikat yang dinamakan bagi maksud-maksud bab ini oleh Menteri (disebut dalam Perintah ini sebagai syarikat pengganti telekomunikasi);

(b) syarikat pengganti telekomunikasi menjadi pengganti di sisi undang-undang Kerajaan berkaitan dengan perusahaan telekomunikasi Kerajaan; dan

(c) syarikat pengganti telekomunikasi hendaklah ditetapkan, menurut bab 6 dari Perintah Telekomunikasi, 2001, sebagai pemegang lesen telekomunikasi awam.

(2) Jika mana-mana tanah, pada tarikh penggantian, dirizab untuk digunakan oleh perusahaan telekomunikasi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat boleh, atas budi bicara Baginda, memberimilik tanah tersebut menurut bab 3 dari Kanun Tanah (Penggai 40) untuk faedah syarikat pengganti telekomunikasi dengan memberikan berkaitan dengan tanah itu suatu pajakan untuk selama-lamanya atau bagi suatu tempoh yang kurang sebagaimana yang mungkin dianggap bersesuaian oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat.

(3) Suatu premium akan dikenakan ke atas tanah yang diberimilik di bawah cerai (2) mengikut cara yang disebutkan dalam bab 14 dari Kanun Tanah (Penggai 40).

(4) Jika sebarang persoalan berbangkit tentang sama ada sebarang harta, hak atau liabiliti tertentu telah dipindahkan kepada atau terletak pada syarikat pengganti telekomunikasi di bawah Perintah ini, suatu perakuan yang ditandatangani oleh Menteri adalah keterangan muktamad bahawa harta, hak atau liabiliti itu telah atau tidak dipindahkan atau terletak demikian.

(5) Adalah dengan ini diisytiharkan bagi mengelakkan keraguan bahawa —

(a) sebarang sebutan dalam Perintah ini kepada harta yang terkandung dalam perusahaan telekomunikasi Kerajaan adalah suatu sebutan kepada harta (selain dari harta telekomunikasi yang ditetapkan) Kerajaan sama ada terletak di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain; dan

(b) sebarang sebutan kepada hak dan liabiliti yang terkandung dalam perusahaan telekomunikasi Kerajaan adalah suatu sebutan kepada hak yang kepadanya Kerajaan berhak atau, mengikut mana yang berkenaan, liabiliti yang kepadanya Kerajaan tertakluk, sama ada di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam atau mana-mana negara di luar Negara Brunei Darussalam.

(6) Adalah menjadi kewajipan Kerajaan dan syarikat pengganti telekomunikasi untuk mengambil segala langkah sebagaimana yang mungkin diperlukan untuk memastikan bahawa perletakan hak pada syarikat pengganti telekomunikasi menurut bab ini sebarang harta, hak atau liabiliti asing adalah berkuatkuasa di bawah undang-undang asing yang berkaitan dan sehingga masa Kerajaan berkewajipan untuk memegang harta atau hak itu bagi faedah, atau untuk melepaskan liabiliti itu bagi pihak, syarikat tersebut.

(7) Tiada sebarang apa pun dalam cerai (6) boleh dianggap sebagai menjejaskan kuatkuasa di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam

perletakan hak pada syarikat pengganti telekomunikasi menurut bab ini sebarang harta, hak atau liabiliti asing.

(8) Dalam cerai-ceraian (6) dan (7), sebutan-sebutan kepada sebarang harta, hak atau liabiliti asing adalah sebutan-sebutan, masing-masing, kepada sebarang harta, hak atau liabiliti yang terkandung dalam perusahaan telekomunikasi yang berkenaan dengannya sebarang isu yang berbangkit dalam sebarang prosiding sepatutnya diputuskan (menurut aturan-aturan konflik undang-undang) dengan merujuk kepada undang-undang sesebuah negara atau wilayah di luar Negara Brunei Darussalam.

#### **Pemegangan permulaan Kerajaan dalam syarikat pengganti telekomunikasi.**

4. (1) Akibat dari perletakan hak pada syarikat pengganti telekomunikasi menurut bab 3 harta, hak dan liabiliti yang terkandung dalam perusahaan telekomunikasi Kerajaan (selain dari harta telekomunikasi yang ditetapkan), syarikat pengganti telekomunikasi hendaklah menerbitkan sekuriti-sekuriti syarikat itu sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa diarahkan oleh Menteri kepada mana-mana syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan.

(2) Menteri tidaklah boleh memberi suatu arahan di bawah cerai (1) pada ketika syarikat pengganti telekomunikasi tidak lagi dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan.

(3) Sekuriti-sekuriti yang dikehendaki untuk diterbitkan di bawah bab ini akan diterbitkan atau diuntukkan pada masa dan atas terma-terma tentang peruntukan sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri.

(4) Saham-saham yang diterbitkan menurut bab ini -

(a) hendaklah mempunyai nilai nominal sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri; dan

(b) hendaklah diterbitkan sebagai berbayar penuh dan disifatkan bagi maksud-maksud Akta Syarikat (Penggagal 39) seolah-olah ia telah dibayar berdasarkan pembayaran nilai nominalnya dengan wang tunai kepada syarikat pengganti telekomunikasi.

#### **Pemindahan pekerja perusahaan telekomunikasi kepada syarikat pengganti telekomunikasi.**

5. (1) Tiap-tiap orang yang merupakan pekerja Kerajaan berhubung dengan perusahaan telekomunikasi sejurus sebelum tarikh penggantian (selain daripada pekerja telekomunikasi yang dikecualikan) adalah dianggap —

(a) telah diambil kerja oleh syarikat pengganti telekomunikasi, mulai dari tarikh penggantian, atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan

yang tidak kurang baiknya dari terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang dinikmati olehnya sejurus sebelum pemindahannya; dan

(b) telah terakru hak mendapat faedah, berhubung dengan pengajiannya oleh syarikat pengganti telekomunikasi, yang bersamaan dengan hak yang telah terakru kepadanya, sebagai pekerja Kerajaan berhubung dengan perusahaan telekomunikasi, sejurus sebelum tarikh penggantian.

(2) Perkhidmatan seseorang pekerja yang dipindahkan di bawah cerai (1), sebagai pekerja syarikat pengganti telekomunikasi, adalah dianggap, bagi segala maksud, berterusan dengan perkhidmatan pekerja tersebut sejurus sebelum tarikh penggantian, sebagai pekerja Kerajaan berhubung dengan perusahaan telekomunikasi.

#### **Syarat-syarat perkhidmatan.**

6. Sehingga masa kontrak perkhidmatan disediakan oleh syarikat pengganti telekomunikasi, terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan dengan Kerajaan hendaklah terus dikenakan kepada tiap-tiap pekerja yang dipindahkan seolah-olah dia masih berkhidmat dengan Kerajaan.

#### **Pencen.**

7. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Akta Pencen (Panggal 38), pekerja yang dipindahkan tidaklah berhak untuk menuntut sebarang faedah di bawah Akta tersebut atas alasan bahawa dia telah bersara dari perkhidmatan Kerajaan kerana penghapusan jawatan atau penamatan bagi kepentingan awam akibat dari pemerbadanan syarikat pengganti telekomunikasi atau pemindahan pekerja tersebut kepada syarikat pengganti telekomunikasi.

#### **Perlaksanaan obligasi.**

8. Tertakluk kepada sebarang peraturan yang dibuat di bawah bab 11, sebarang perjanjian yang dibuat, transaksi yang dilaksanakan atau perkara lain yang dilakukan oleh, kepada atau berkenaan dengan perusahaan telekomunikasi yang berkuatkuasa atau mula berkuatkuasa sejurus sebelum tarikh penggantian hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh itu seolah-olah dibuat, dilaksanakan atau dilakukan oleh, kepada atau berkenaan dengan syarikat pengganti telekomunikasi, dalam semua hal seolah-olah syarikat pengganti telekomunikasi adalah orang yang sama di sisi undang-undang dengan Kerajaan (sama ada bertindak atas haknya sendiri atau melalui perusahaan telekomunikasi sebagai wakilnya yang dinamakan), dan dengan itu sebutan-sebutan kepada Kerajaan berkaitan dengan perusahaan telekomunikasi Kerajaan —

(a) dalam sebarang perjanjian (sama ada secara bertulis atau tidak) dan dalam sebarang suratikatan, bon atau suratcara;

(b) dalam sebarang proses atau dokumen lain yang dikeluarkan, disediakan atau digunakan bagi maksud sebarang prosiding di hadapan mana-mana mahkamah; dan

(c) dalam sebarang dokumen apa pun berhubung dengan atau yang menawarkan sebarang harta, hak atau liabiliti perusahaan telekomunikasi yang terletak menurut bab 3 pada syarikat pengganti telekomunikasi,

hendaklah dianggap mulai dari tarikh penggantian sebagai merujuk kepada syarikat pengganti telekomunikasi.

**Pengenaaan undang-undang.**

9. (1) Undang-undang Negara Brunei Darussalam adalah dikenakan kepada syarikat pengganti telekomunikasi mengikut maksudnya, dan setakat mana undang-undang itu boleh dikenakan, kecuali setakat mana syarikat pengganti telekomunikasi dikecualikan dari dikenakan suatu undang-undang tertentu dengan peruntukan nyata Perintah ini atau sebarang undang-undang lain Negara Brunei Darussalam.

(2) Sebarang undang-undang Negara Brunei Darussalam yang berkenaan dengan —

(a) piawaiian yang boleh dikenakan kepada rekabentuk atau cara membina bangunan, struktur atau kemudahan; atau

(b) kebenaran membina bangunan, struktur atau kemudahan; atau

(c) penggunaan atau penghunian bangunan, struktur atau kemudahan; atau

(d) pengubahan, pembaikan atau perlengkapan semula bangunan, struktur atau kemudahan;

tidak dikenakan kepada bangunan, struktur atau kemudahan yang merupakan harta syarikat pengganti telekomunikasi jika —

(i) bangunan, struktur atau kemudahan itu dihuni atau digunakan; atau

(ii) pembinaan, pengubahan, pembaikan atau perlengkapan semula bangunan, struktur atau kemudahan itu telah dimulakan,

sebelum tarikh penggantian.

**Struktur kewangan syarikat pengganti telekomunikasi.**

10. (1) Jika Menteri mengarahkan demikian pada bila-bila masa sebelum syarikat pengganti telekomunikasi tidak lagi dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan, suatu jumlah wang (tidak melebihi dari keuntungan terkumpul Kerajaan yang dihasilkan berhubung dengan perusahaan telekomunikasinya) sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam arahan itu hendaklah dimasukkan oleh syarikat pengganti telekomunikasi ke dalam suatu rizab (disebut dalam bab ini sebagai rizab berkanun).

(2) Rizab berkanun hanya boleh digunakan oleh syarikat pengganti telekomunikasi untuk membayar saham-saham yang belum diterbitkan syarikat itu yang akan diuntukkan kepada ahli-ahli syarikat itu sebagai saham-saham bonus berbayar penuh.

(3) Bagi maksud-maksud sebarang akaun berkanun syarikat pengganti telekomunikasi —

*(a)* perletakan hak yang dilakukan menurut bab 3 hendaklah dianggap sebagai perletakan hak semua harta, hak dan liabiliti yang terkandung dalam perusahaan telekomunikasi Kerajaan (selain dari harta telekomunikasi yang ditetapkan) yang kepadanya Kerajaan berhak atau tertakluk pada tarikh penggantian; dan

*(b)* nilai sebarang aset dan amaun sebarang liabiliti Kerajaan yang dianggap sebagai telah terletak hak pada syarikat pengganti telekomunikasi menurut perenggan *(a)* hendaklah dianggap sebagai nilai atau, mengikut mana yang berkenaan, amaun yang diperuntukkan kepada aset atau liabiliti itu dalam penyata akaun Kerajaan sehingga tarikh penggantian.

(4) Bagi maksud-maksud sebarang akaun berkanun syarikat pengganti telekomunikasi, amaun yang akan dimasukkan berkaitan dengan sebarang butiran hendaklah ditentukan seolah-olah apa-apa jua yang dilakukan oleh Kerajaan (sama ada dengan cara memperolehi, menilai semula atau melupuskan sebarang aset atau menanggung, menilai semula atau melepaskan sebarang liabiliti, atau dengan memasukkan sebarang amaun ke dalam sebarang peruntukan atau rizab, ataupun selainnya) telah dilakukan oleh syarikat itu.

(5) Sebutan-sebutan dalam bab ini kepada akaun berkanun syarikat pengganti telekomunikasi adalah sebutan-sebutan kepada sebarang akaun yang disediakan oleh syarikat itu bagi maksud-maksud sebarang peruntukan Akta Syarikat (Penggaj 39).

**Peraturan-peraturan.**

11. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan, yang tidak bertentangan dengan Perintah ini, yang menetapkan perkara-perkara —

(a) yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Perintah ini untuk ditetapkan; atau

(b) yang perlu atau mudah untuk ditetapkan bagi menjalankan atau menguatkuasakan Perintah ini.

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1422 bersamaan dengan 10 haribulan Mei, 2001 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM